

Hantar balik pendatang haram cadangan yg baik — Mahathir

U.M. 12 DEC 1978

Dis. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mengakui bahawa safaan menghantar balik pendatang haram dari Vietnam yang dikemukakan oleh Pergerakan Pemuda UMNO, adalah baik.

Bagaimanapun, Timbalan Perdana Menteri berkata, beliau tidak nampak satu cara yang menasabah untuk berbuat demikian.

Menurutnya, ini adalah kerana sikap pemerintah Vietnam sendiri yang sudah

begitu jelas tidak mahu menerima semula pelarian-pelarian itu.

Dalam pertemuan selepas menerima kunjungan anggota-anggota Dewan Senat Turki di pejabatnya hari ini, Datuk Sri Dr. Mahathir telah meminta idea dari

para wartawan tentang cara menghantar balik pendatang-pendatang haram ini.

Bila seorang wartawan mencadangkan mereka itu dihantar balik dengan kapal terbang TUDM dengan terlebih dahulu membuat peraturan dengan pemerintah Vietnam, beliau berkata:

“Soalnya ialah pihak Vietnam tidak mahu menerima mereka. Dan

150
kalau diterima pun, mereka itu akan ditempatkan di dalam kem-tahanan yang berjanggah dengan amalan hak asasi manusia.”

Beliau telah menyebut kembali pendirian Perdana Menteri Vietnam, dalam lawatannya ke sini yang menegaskan bahawa negaranya tidak akan dapat menahan rakyatnya yang ingin berhijrah kerana tidak dapat hidup di bawah sistem pemerintahan yang wujud selepas perang.

Dr. Mahathir menjelaskan, adalah perkara biasa rakyat sesebuah negara akan lari bera-merai-ramai selepas berakhir sesuatu peperangan.

Dalam hubungan ini, beliau sekali lagi mengemukakan Amerika Syarikat, Sweden dan Perancis kerana begitu ‘cerewet’ dalam pengambilan pelarian-pelarian Vietnam itu.

Dr. Mahathir berkata, bagi Malaysia mereka itu bukan lagi pelarian kerana peperangan di Vietnam sudah lama berlalu.

Katanya, adalah suatu yang memalukan bagi Amerika Syarikat yang melaung-laungkan kebebasan serta hak asasi manusia tetapi tidak bersedia untuk menerima pelarian-pelarian itu sepenuhnya.

Beliau juga kesal dengan sikap negara-negara ketiga yang lain seperti Perancis yang mengenakan berbagai syarat penerimaan guna menghadkan bilangan pelarian Vietnam yang diambalnya.

Dr. Mahathir menegaskan, beliau tidak dapat percaya bahawa negara-negara ketiga itu yang melaung-laungkan hak asasi manusia dan mahukan peperangan di Vietnam kini tidak mampu menerima rakyat negara itu yang terpaksa lari dari akibat-akibat yang mereka tinggalkan.

Menyentuh tentang persidangan mengenai pelarian Vietnam yang bermula di Geneva hari ini, beliau berkata Malaysia dan Thailand akan berpegang kepada sikap yang sama dalam masalah ini.